

# UPM di kedudukan ke-54 daripada 100 terbaik dunia

**Kuala Lumpur:** Universiti Putra Malaysia (UPM) disenaraikan pada kedudukan ke-54 daripada 100 universiti terbaik dunia dalam bidang Sains Pertanian, berdasarkan penarafan Kedudukan Universiti Terbaik Global oleh *US News and World Report*.

## UPM peroleh 68 markah

Laporan yang diterbitkan 28 Ok-

tober lalu menyaksikan UPM memperoleh 68 markah, manakala institusi yang berada pada kedudukan teratas adalah Universiti dan Pusat Penyelidikan Wageningen, Belanda, dengan 100 markah.

Tempat kedua disandang Universiti California-Davis (97.3 markah) dan Universiti Cornell (95.5 markah), masing-masing dari

Amerika Syarikat.

UPM dalam kenyataan berkata, universiti itu turut disenaraikan sebagai universiti terbaik di rantau Asia Tenggara dan ketujuh terbaik Asia dalam bidang Sains Pertanian.

Penarafan baharu berkenaan memfokuskan kepada penyelidikan keseluruhan institusi, reputasi global dan serantau serta

prestasi penyelidikan yang menggunakan petunjuk penerbitan, staf akademik dan bilangan graduan doktor falsafah (PhD).

## 8 petunjuk utama

“Terdapat lapan petunjuk utama untuk penarafan subjek, termasuk reputasi penyelidikan global, reputasi penyelidikan serantau, penerbitan dan kerjasama antarabangsa,” kata kenyataan berkenaan.

Sementara itu, Naib Canselor UPM, Prof Datuk Dr Mohd Fauzi Ramlan, berkata kejayaan berkenaan adalah pencapaian terbaik UPM dalam bidang Sains Pertanian, sekali gus melonjakkan reputasi akademik UPM pada pe-

ringkat global.

“Pertanian adalah *niche area* atau bidang kebitaraan UPM dan semua komuniti UPM menzahirkan rasa bangga di atas pencapaian cemerlang ini kerana kesungguhan dan komitmen dalam memartabatkan ilmu pertanian telah meletakkan UPM antara yang terbaik di dunia,” katanya.

UPM juga mengekalkan pencapaian terbaiknya dalam *QS World University Ranking* apabila dua tahun berturut-turut berada dalam kumpulan 100 universiti terbaik dunia dalam bidang pertanian dan perhutanan serta pendidikan.

**BERNAMA**